

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah peruntukan bagi tahun 2022 untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk negeri Pahang khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) RP1, tahun 2021 Kementerian melalui JAKOA telah diperuntukan sebanyak RM102.7 juta bagi pelaksanaan program pembangunan Orang Asli merangkumi projek/program infrastruktur dan amaneiti sosial, naik taraf jalan perhubungan, bekalan air terawat, program pembangunan ekonomi dan usahawan, dan kerja-kerja ukur tanah.

Seterusnya pada tahun 2022, permohonan peruntukan bagi pembangunan masyarakat Orang Asli adalah sebanyak RM150 juta melibatkan pelaksanaan projek sambungan dan projek baharu. Daripada jumlah tersebut dianggarkan sebanyak RM10 juta akan diperuntukan kepada Negeri Pahang iaitu bergantung kepada jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan. Manakala bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands dianggarkan sebanyak RM3.0 juta iaitu melibatkan pelaksanaan projek infrastruktur dan ameniti sosial, jalan perhubungan, bekalan air terawat, program pembangunan ekonomi dan usahawan, serta program pembangunan modal insan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR (CAMERON  
HIGHLANDS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [ CAMERON HIGHLANDS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang akan dan sedang diambil oleh PDRM, SPRM dan Imigresen untuk memastikan tiada lagi kes kematian dalam tahanan di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah-langkah yang diambil pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meminimalkan kes-kes kematian tahanan dalam lokap khususnya tahanan yang mengalami masalah kesihatan adalah dengan menyediakan garis panduan (SOP) yang lebih ketat termasuk dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan dan pembantu perubatan serta penambahan anggota polis yang menguruskan tahanan.

Di samping itu, Kementerian sedang dalam proses menambahbaik pengurusan lokap PDRM melalui pewujudan *Custodial Medical Unit* (CMU) di lima (5) Lokap Berpusat PDRM dengan Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang dijadikan sebagai projek rintis. Kementerian turut merancang untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan melalui pelantikan panel klinik swasta. Dengan kaedah ini, pemeriksaan tahap kesihatan tahanan dapat dibuat dengan segera sebelum tahanan dimasukkan ke dalam lokap.

Selain itu, pemasangan kamera litar tutup atau CCTV di semua lokap balai polis juga sedang dilaksanakan mengikut 5 zon (Utara, Selatan, Timur, Sabah, Sarawak) sebagai penambahbaikan bagi mengatasi isu kematian di dalam tahanan. Projek pemasangan CCTV Lokap PDRM dijangka akan selesai pada akhir tahun ini.

## SOALAN NO: 331

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia juga sentiasa menitikberatkan hal ehwal kebajikan tahanan di Depot Imigresen dengan menyediakan penjagaan khas serta perlindungan ke atas mereka semasa dalam tahanan. Prosedur pengurusan tahanan yang berada dalam Depot Imigresen adalah berpandukan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen.

Sebagai langkah bagi memastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan tahanan, pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah telah mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menempatkan 25 orang Penolong Pegawai Perubatan Gred U29/32 di depot imigresen seluruh Malaysia bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Bagi memperkukuhkan lagi perkhidmatan kesihatan di depot, klinik kesihatan yang terdekat dikenal pasti sekaligus bertindak sebagai pusat rujukan kepada Penolong Pegawai Perubatan Gred U29/32 serta untuk membantu dari aspek keperluan perubatan. Mereka juga bertanggungjawab membuat lawatan dan pemantauan secara berkala ke depot imigresen.

Kerajaan juga membuat penambahbaikan semasa melalui kerja-kerja menaik taraf depot imigresen sedia ada dengan menyediakan ruang dan fasiliti yang sesuai untuk semua tahanan.

Dalam pada itu, isu kematian di lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bukan berada di bawah bidang kuasa KDN. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar persoalan ini dikemukakan terus kepada pihak SPRM yang berada bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM).